

18/09/2003

'Timbang semula imbuhan pesara'

KOTA BHARU: Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia (PPKM) memohon kerajaan menimbang semula imbuhan kepada kira-kira 450,000 warga pesara yang sebelum ini menerima peruntukan dan perhatian kerajaan menerusi bajet.

Ahli Majlis PPKM Kebangsaan, Abdul Ghani Mahmud, berkata berdasarkan Bajet 2004 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini, pesara tidak diberi rangsangan baru sedangkan penjawat awam menerima bonus setengah bulan gaji.

Katanya, pada bajet sebelum ini, kerajaan memperuntukkan imbuhan RM200 kepada setiap pesara yang menggambarkan keprihatinan kerajaan terhadap masalah golongan itu.